



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 3, June 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kebangkitan Guzheng Ensemble di Lembah Klang, Malaysia

Mok Vivien¹

¹Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Mok Vivien (mokvivien87@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini mengenai kebangkitan Guzheng Ensemble di Lembah Klang, Malaysia. Menjelang akhir abad ke-20, muzik tradisional Cina telah diperkenalkan di Malaysia atas sebab imigrasi penduduk negara China ke Malaysia. Pengenalan alat muzik tradisional Cina dari Negara China telah menyediakan asas untuk membangunkan budaya muzik Guzheng di Malaysia. Memandangkan bilangan pemain Guzheng semakin bertambah, bentuk persembahan guzheng solo telah dibangkit menjadi Guzheng Ensemble. Kajian ini akan memberi fokus kepada penubuhan, pembentukan dan perkembangan sesebuah Guzheng Ensemble. Tiga buah kumpulan Guzheng Ensemble ditumpukan sebagai studi kes. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Pendekatan etnografi kombine dengan pendekatan kajian kes digunakan. Observasi Partisipatif (participant observation) dan temu bual semi struktur digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan asas dan membekalkan maklumat tentang kebangkitan budaya dan seterusnya membantu pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian berkaitan dengan kebangkitan muzik, terutamanya dalam bentuk persembahan Guzheng.

Kata kunci: kebangkitan, guzheng, guzheng ensemble

The Revivalism of Guzheng Ensemble in the Klang Valley, Malaysia

Abstract

This study is about the revivalism of Guzheng Ensemble in the Klang Valley, Malaysia. By the end of the 20th century, Chinese traditional music was introduced in Malaysia due to the immigration of Chinese nationals to Malaysia. The introduction of traditional Chinese musical instruments from China has provided the foundation for developing the Guzheng music culture in Malaysia. As the number of Guzheng players grows, the solo guzheng form has been developed into the Guzheng Ensemble. This study will focus on the establishment, formation and development of the Guzheng Ensemble. Three Guzheng Ensemble groups are devoted to case studies. This study is a qualitative study. Combination of ethnographic with case study approach is used. Participatory observation and semi-structural interviews are used as data collection techniques. This study is expected to serve as a basic guide and provide information on cultural revival and subsequently assist other researchers to pursue studies related to the rise of music, especially in the form of Guzheng presentations.

Keywords: revivalism, guzheng, guzheng ensemble

Pengenalan

'Kebangkitan' ataupun *revival* merupakan suatu kesedaran diri yang akan menyebabkan tindakan kebangkitan menjadi satu kuasa untuk mempengaruhi, memulih, memberi pembaharuan, membentuk semula serta mengubah landskap muzik dan pengalaman pada pelbagai masa dan tempat (Bithell & Hill, 2014: 4). Menurut Livingston (1999: 66), proses kebangkitan muzik merupakan satu cara untuk membina memori budaya, yang mana sesebuah kumpulan mempunyai kesedaran dan bersama terlibat dalam kebangkitan dengan membayangkan masa lalu, memberikan nilai-nilai khusus, supaya sesuatu amalan dihidupkan semula.

Guzheng, merupakan salah satu alat muzik tradisional China dengan sejarah yang telah berusia lebih dari 2,000 tahun. Guzheng biasanya dipersembahkan secara solo. Akan tetapi, menjelang akhir kurun ke-19, kesan budaya barat yang semakin kuat di negara China, telah menyebabkan budaya tradisional cina semakin dihapus (Meng, 2008 in Yuxing & Reily, 2018). Dalam tempoh masa revolusi kebudayaan, kebanyakan seni kebudayaan, termasuk Guzheng diharam dan dijejaskan. Namun dengan akhir revolusi kebudayaan, para pemain guzheng berhasrat untuk membangkitkan dan mempertahankan seni muzik tradisionalnya ini (Li 2015b; Zhao 2014, in Yuxing & Reily, 2018). Guzheng telah disebar dengan jumlah pemain yang semakin meningkat di seluruh Negara China, mahupun seluruh dunia. Perkembangan Guzheng yang pesat pada abad ke-20 telah memberikan peluang para pemain dan pengkaji Guzheng untuk membuat pembaharuan atas teknik bermain dan seni persembahan Guzheng. Seni persembahan Guzheng telah berkembang dari segi solo kepada Guzheng Ensemble (Ning, 2004: 185-186).

Kebangkitan Guzheng Ensemble di Lembah Klang merupakan satu peringkat permulaan dalam proses kebangkitan muzik. Ejen kebangkitan Guzheng Ensemble berusaha untuk melaksanakan dan mempromosikan muzik guzheng yang bernilai lama dan bersejarah supaya ia tidak diancam atau di musnah.

Kajian Literatur

Menjelang abad ke-20, kebudayaan tradisional Cina telah disebarkan ke Tanah Melayu kerana kedatangan perantau China secara besar-besaran (Chuan, 2016: 85-97). Sejak tahun 1990, banyak persatuan muzik aktif di Malaysia. Sekolah dan kelab Cina telah menubuhkan Orkestra Cina Moden dan *difang yinyue* (muzik daerah) (Beng, 2000: 107-128). Guzheng bukan sahaja menjadi alat muzik sampingan dalam bentuk orkestra, malah ia lebih beraktif dalam bentuk solo (Xu, 2014: 184). Berbanding pada tahun 1990-an, kini, muzik Guzheng telah berkembang dan menjadi satu fenomena budaya bagi generasi baru di Malaysia. Ramai pemain Guzheng yang terkenal telah memperolehi gelaran profesional Guzheng dari Konservatori Muzik China, Konservatori Muzik Xi'An dan Konservatori Muzik Shanghai (Zhang, 2010, Wang, 2016).

Memandangkan bilangan pelajar semakin bertambah, sejak kebelakang ini, semakin banyak pusat muzik dan pihak sekolah telah mula mengadakan kelas atau persatuan kelab Guzheng di sekitar Lembah Klang. Keadaan ini telah menyebabkan bilangan sumber pengajar tidak dapat memenuhi keperluan bilangan pelajar. Oleh itu, kelas berkumpulan telah digunakan untuk mengganti kelas individu serta persembahan Guzheng ensemble telah dimulakan. Untuk mengembangkan cara persembahan Guzheng daripada bentuk solo kepada bentuk berkumpulan, Malaysia Guzheng Art Festival telah diadakan pada tahun 2015. Aktiviti ini diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada para pemain Guzheng untuk membuat persembahan dan pertandingan dalam bentuk Guzheng Ensemble. Ia juga merupakan satu aktiviti untuk mempromosi dan mengukuhkan warisan budaya muzik zheng.

Hasil Kajian

Proses kebangkitan Guzheng Ensemble telah dinilai dalam tiga aspek, iaitu penubuhan, pembentukan dan perkembangan. Teori kebangkitan muzik telah diaplikasi untuk menghubungkan penubuhan, pembentukan dan perkembangan Guzheng Ensemble di Lembah Klang. Antaranya adalah Tema 1: Motivasi Dan Keinginan Untuk Berbangkit, Tema 2: Penilaian Dan Pentafsiran Semula Terhadap Sejarah, Tema 3: Kesahihan Dan Keaslian, Tema 4: Penghantaran Dan Penyebaran serta Tema 5: Pengubahsuaian Semula.

Tema 1: Motivasi dan Keinginan Untuk Berbangkit

Kebangkitan berlaku didorong oleh ketidakpuasan dengan beberapa aspek masa kini dan keinginan untuk mempengaruhi beberapa jenis perubahan budaya (Bithell & Hill, 2014: 10-12). Kebangkitan tradisi baharu lebih cenderung kepada pengambil inisiatif persendirian untuk menyelamatkannya daripada pupus (Wallace's, 1956 in Livingston, 1999). Skala pentatonik guzheng yang menghasilkan bunyi do, re, mi, sol, la telah membuatnya sukar untuk menyelaraskan dengan kebanyakan instrumen lain (Jiang, 2013). Keterbatasan lima nada dari guzheng, memerlukan banyak masa untuk menukar tonal muzik (Fan, 2012:14-15). Kesulitan transposisi semasa persembahan telah menyebabkan menggunakan guzheng semakin kurang digunakan dalam kumpulan orkestra cina. Dengan ini perasaan pemain guzheng yang tidak puas hati dalam kumpulan orkestra cina telah menyebabkan penubuhan Guzheng Ensemble di mulakan.

Selain itu, lagu tradisional yang dimainkan oleh guzheng solo telah dikurang dan diganti dengan lagu popular menjelang zaman kontemporari (Lian, 2016: 63). Bentuk persembahan guzheng mengalami perubahan sejak muzik instrumental barat diperkenalkan (He, 2013: 128-129). Salah satu contoh orkestra yang terkenal di Negara China ialah 12 Girls Band (a techno / rock / ethnic fusion Chinese instrumental music ensemble), telah ditubuh sejak tahun 2001. Gabungan unsur-unsur muzik cina dan barat telah memberi satu persembahan yang baharu, kreativiti dan inovatif (Yang & Saffle, 2010: 88-112).

Dengan itu, ketiga-tiga pengasas kumpulan Guzheng Ensemble, iaitu Oriental Strings, DT Guzheng Ensemble dan Art Melody Guzheng Ensemble telah memberi usaha untuk membangkitkan kebangkitan Guzheng Ensemble di Lembah Klang. Selain muzik risital yang diadakan, ejen kebangkitan juga berusaha mempromosikan seni kebudayaan guzheng melalui pelbagai pertandingan, seperti *The International Zheng Contest*, *The Malaysia Guzheng Art Festival* dan *NanFeng International Music Contest*. Hal ini mencerminkan bahawa kebangkitan tidak semestinya melibatkan pihak yang beramai-ramai, melainkan sering dilakukan oleh beberapa individu saja (Livingston, 1999).

Tema 2: Penilaian dan Pentafsiran Semula Terhadap Sejarah

Menurut Bithell & Hill (2014: 12-14), persepsi yang berbeza tentang sejarah boleh membentuk pelbagai tafsiran dan tindakan dalam kebangkitan muzik. Oleh itu, ejen kebangkitan harus memilih atau mentafsir semula sejarah dan mengenal pasti unsur muzik yang bersejarah serta selalu disamakan semula. Berlainan dengan persembahan solo, kebanyakan pemain solo lebih mementingkan teknik, had laju dan kemahiran bermain (Chen, 2011: 56-57). Akan tetapi, persembahan guzheng ensemble lebih mementingkan emosi artistik komprehensif secara menyeluruh (Gao, 2017: 120-121).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran guzheng ensemble, guru menggabungkan kandungan khusus lagu, seperti latar belakang komposisi konserto dan pengalaman komposisi untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahasa yang mudah dan ringkas harus digunakan supaya peajar mudah memahami penciptaan keseluruhan lagu dan konteks perkembangan lagu tersebut. Hal ini juga lebih senang menarik minat pelajar untuk belajar dan bermain, serta dapat meningkatkan kecekapan pengajaran guzheng ensemble (Han, 2015: 91). Ini dapat dikesankan dalam proses teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh ejen kebangkitan Lembah Klang. Semasa berjalan pengajaran dan pembelajaran, cikgu akan menerangkan asal-usul dan latar belakang komposer lagu tersebut kepada anak murid. Anak murid juga galak mendengar dan menyanyi sebelum

mula bermain. Penerangan asal-usul dan latar belakang komposer lagu dapat memberi perasaan yang lebih tepat terhadap sebuah lagu kepada pemain (temuduga dengan Miss Loretta, 11 April, 2018). Selain daripada teknik pengajaran dan pembelajaran yang berbeza, Guzheng ensemble bukan sekadar gabungan persembahan beberapa zithers, sebaliknya, muzik yang dimainkan oleh satu sama lain adalah berkaitan erat dengan suara, teksur, penjajaran muzik dan harmoni (Chen, 2011: 56-57). Pemain mesti mempunyai tahap pemahaman tersirat dan harmoni dalam kedua-dua kemahiran bermain dan literasi muzik asas. Tahap pemahaman dan keharmonian tersirat tidak hanya memerlukan para pemain untuk memiliki kemahiran bermain yang sangat baik, tetapi juga mempunyai koordinasi dan penyelarasan dalam suatu ensemble. Berbanding dengan persembahan guzheng solo, guzheng ensemble lebih memberi perhatian susunan muzik pada struktur muzik, campuran harmoni dan bunyi, serta pilihan gabungan alat muzik dan teksur muzik (Xu, 2013: 25-26). Bentuk teksur muzik dalam guzheng ensemble juga lebih tebal dan luas. Teksur melodi yang kerap digunakan dalam guzheng ensemble adalah homofoni atau polifoni (Zhou, 2016: 179).

Berdasarkan pengumpulan data daripada persektif masyarakat terhadap Guzheng Ensemble, didapati responden gemar akan bunyi Guzheng ensemble kerana ia dapat mentenangkan emosi. “Saya berharap suatu hari nanti, saya dapat menggunakan lagu-lagu guzheng dalam kelas yoga saya (temuduga dengan Sue, 15 Mei, 2018). Hal ini dapat menjelaskan pernyataan Hobsbawm (1983: 5) dalam buku *The Oxford Handbook of Music Revival* bahawa dalam proses kebangkitan muzik, untuk membina dan menyusun semula muzik masa lalu dalam zaman kontemporari, penggubalan muzik harus berasaskan nilai penggunaan, perwujudan, rasionalisasi dalam pelbagai aspek kehidupan.

Tema 3: Kesahihan dan Keaslian

Untuk meyakinkan masyarakat menerima perubahan muzik dan budaya yang dipromosikan, para ejen harus memastikan aktiviti dan pengubahsuaian yang wujud dalam unsur kebangkitan menegaskan undang-undang legitimasi atau yang disah (Bithell & Hill, 2014:19-24). Ini dapat dilihat dalam lembaran skor muzik Guzheng yang digunakan, kebanyakannya tetap menggunakan sistem *numbered musical notation*, dan bukannya *staff notation*. Walaupun *staff notation* merupakan sistem notasi yang bersistematik dan paling popular digunakan secara meluas dalam industri muzik hari, akan tetapi pada hari ini, beberapa jurusan muzik, seperti muzik tradisional, muzik rakyat dan muzik vokal masih tidak memuaskan dalam penggunaan sistem *staff notation* (Xia, 2018:101-108). Terutama bagi guzheng yang menggunakan *five tone scale* adalah lebih sesuai menggunakan *numbered musical notation* (Lee, 2011:60).

Penggunaan sistem *numbered musical notation* tetap digunakan dalam pusat latihan muzik tradisional di Lembah Klang. Pelajar yang bermain guzheng tidak semestinya mempunyai pengetahuan tentang sistem *staff notation*. Pelajar berasa tertekan apabila menghadapi susunan notasi. Seow (temuduga pada 1 Nov, 2017) menjelaskan bahawa masalahnya adalah menghadapi pembacaan lembaran skor kerana kebanyakan komposer moden sekarang menggunakan *staff notation* untuk menulis. Oleh itu, Cikgu Ong (ejen kebangkitan) akan munukarkan lembaran *staff notation* kepada jenis *numbered musical notation* kerana kebanyakannya anak muridnya tidak mempunyai latar belakang dan pengetahuan tentang muzik. Sistem *numbered musical notation* lebih senang diajar berbanding dengan *staff notation* (temuduga pada 25 Mei, 2018).

Hal ini jelas dinyatakan bahawa semasa memulih dan membentuknya semula, kebangkitan muzik haruslah dijalankan berasaskan kepada kesahihan, ‘authenticity’ iaitu keaslian atau kesetiaan atas sesebuah sejarah muzik (Livingston, 1999: 66).

Tema 4: Penghantaran dan Penyebaran

Kebangkitan mendorong perkembangan kaedah dan prasarana baru untuk menghantar, mempromosikan dan menyebarkan muzik yang dibangkitkan semula. Untuk menyebarkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan, para ejen kebangkitan menggunakan buku program konsert, lawam web seperti Facebook dan Blogger untuk mempromosikan aktiviti persembahan. Rakaman video Rakaman video persembahan dan pertandingan juga akan dimuat naik keatas Youtube atau Instagram bagi tujuan

penyebaran. Pelapik Cd akan dijual untuk menampung kos yang digunakan semasa persembahan. Penghantaran mesej secara oral dari pemain atau peserta persembahan dan pertandingan kepada kawan-kawan, saudara-mara masing-masing dan agen sosial media seperti wartawan majalah dan surat khabar juga merupakan cara untuk mempromosikan aktiviti Guzheng Ensemble ini. Hal ini jelas dilihat semasa persembahan Guzheng Ensemble yang dilakukan pada hari bulan 6 Mei, 2017 dan 10 Nov, 2018 di auditorium SJKC Tsun Jin. Bilangan penonton pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 30 peratus berbanding dengan tahun 2017.

Selain itu, dalam buku *The Oxford handbook of music revival* menyatakan bahawa terdapat pelbagai kaedah untuk menghantar muzik yang dihidupkan semula, seperti promosi melalui perayaan, pertandingan, dasar kerajaan dan sebagainya (Bithell and Hill, 2014: 4). Art Melody Guzheng Ensemble telah aktif dalam pelbagai persembahan komersial seperti perayaan Tahun Baru Cina, Jamuan perkahwinan dan sebagainya. Mereka juga berusaha untuk mengadakan promosi melalui perbagai pertandingan di dalam atau luar negara, membuat seminar, menubuh kelab guzheng di sekolah dan membuat persembahan untuk mengekalkan kefahaman seni persembahan guzheng terhadap masyarakat tempatan.

Ramai penganjur aktiviti juga akan menjemput kumpulan-kumpulan guzheng ensemble untuk membuat persembahan di tempat awam mahupun ulangan tahunan syarikat masing-masing. Sebagai contohnya, Persembahan Awam di Sun Complex Bukit Bintang pada tahun Jun 2015, Persembahan Awam di Medan Pasar, Kuala Lumpur pada tahun Jan 2016, Persembahan di Malaysia Traditional Music Festival pada tahun Julai 2016, Persembahan Awam di Seri Semak pada tahun Sept 2017, persembahan untuk OneFM Media Dinner pada tahun Feb 2018 dan sebagainya.

Tema 5: Pengubahsuaian Semula

Menurut Livingston (1999: 66), kebangkitan muzik adalah fenomena kelas menengah yang bertujuan untuk merumuskan dan mengekalkan identiti, subkelompok orang yang tidak berpuas hati dengan beberapa aspek kehidupan moden, dan juga untuk memulihkan sistem muzik yang berada dalam bahaya penghapusan dalam masyarakat moden. Keadaan ini jelas dilihat dimana perkembangan Guzheng banyak didapat di bandar-bandar utama di Malaysia, seperti: Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Ipoh. Manakala bagi perkembangan Guzheng Ensemble, dimulakan dari bandaraya Kuala Lumpur. Hal ini disebabkan Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa, masyarakat cina dalam bandar-bandar tersebut, yang terdiri daripada kelas tengah, berhasrat melindungi adat resam dan identiti mereka yang makin pupus.

Pengubahsuaian semula yang ditegaskan dalam tema kebangkitan muzik dapat dikesan dari segi ciri-ciri dan cara penyampaian muzik. Dengan pelangkaan ke zaman kontemporari, kebangkitan semula telah merangsangkan gaya muzik dan tekstur muzik yang baru. Persembahan Guzheng Ensemble digabung dengan alat muzik barat dan pelbagai alat perkusi untuk mengubah lagu tradisional kepada lagu muzik modern. Persembahan Anual Risital "The Emerald" dari kumpulan DT guzheng ensemble pada May 2017, satu lagu yang bernama "The Forest Show" 《森林狂想曲》 telah bergabung dengan pelbagai alat perkusi supaya menghasilkan pelbagai bunyi yang mirip dengan bunyi haiwan dan serangga. Lagu ini telah mendapat tepukan yang gemuruh dari para penonton dan ia telah memberi tanggapan yang baru kepada para penonton.

Pemain-pemain Guzheng juga mencipta lagu muzik baru bagi memenuhi zaman kontemporari, seperti lagu-lagu dari movie drama atau karton. Satu persembahan anak murid SCJK Yoke Nam telah menggunakan lagu "The Red Apple" 《小苹果》, sebuah lagu kontemporari untuk persembahan Hari Kanak-kanak pada Okt 2017.

Selain menghasilkan gaya muzik yang baru, kumpulan guzheng ensemble juga mempunyai kod estatika yang persendirian. Pakaian yang dipakai oleh pemain-pemain Guzheng tidaklah semestinya pakaian tradisional Cina, sedangkan mereka membuat persembahan dengan menggunakan instrument tradisional. Pakaian kot dan skirt boleh memberi rangsangan deria visual yang baharu kepada penonto supaya mengubah tanggapan mereka tentang muzik tradisional. Sebagai contohnya, persembahan

Pesta Perlancongan TangLung 1Malaysia yang diadakah di Pasar Seni, Kuala Lumpur pada tahun Sept 2012, kumpulan Oriental Strings dibawah iringan Miss Loretta telah mengadakan satu persembahan guzheng ensembl bergabung dengan alat muzik gendang dan kompang. Mereka telah memakai pakainan kebaya untuk membuat persembahan.

Untuk memenuhi keperluan masyarakat, cara pengajaran dan pembelajaran guzheng juga telah mengalami perubahan. Dari cara pengajaran yang lisan dan individu, kini, ramai pusat muzik telah mengadakan kelas berkumpulan. Daripada dapatan kajian, 12 orang daripada 15 orang berpendapat bahawa lebih selesa apabila mengikut kelas berkumpulan berbanding dengan kelas individu. Pengajaran berkumpulan merupakan cara peningkatan bagi pengajaran individu.

Kesimpulan

Proses kebangkitan Guzheng Ensemble telah dinilai dari aspek penubuhan, pembentukan dan perkembangan. Penubuhan Guzheng Ensemble di Lembah Klang adalah dipengaruhi oleh motivasi, keinginan berubah dan tindakan dari ejen kebangkitan.

Dalam proses pembentukan sesebuah Guzheng Ensemble, beberapa perkara telah dipertimbangkan, seperti: pemilihan kelayakan guru, penentuan kemasukkan ahli pemain guzheng, jenis seni persembahan, pemilihan repertoire serta teknik pengajaran dan pembelajaran. Kelayakan seorang guru haruslah mempunyai kriteria penyanyang, bertanggungjawab dan kesabaran. Ideal bilangan pemain dalam Guzheng Ensemble adalah seramai 10 hingga 15. Seseorang pemain harus mempunyai sekurang-kurangnya pering kay atau gred empat dan keatas untuk menyertai sesebuah guzheng ensembl. Guzheng Ensemble dibahagikan kepada dua jenis persembahan, iaitu: persembahan komersial dan persembahan seni professional. Persembahan komersial biasa diadakan pada perayaan-perayaan tertentu, seperti: Tahun Baru Cina, Bulan Pesta Tanglung dan sesetengah jamuan perkahwinan dan jamuan tahun ulangan syarikat. Konsert dan recital merupakan seni persembahan professional Guzheng Ensemble. Kedua-dua jenis persembahan ini adalah berbeza dari pemilihan lagu, pakainan, bilangan pemain dan susunan pentas. Repertoire yang digunakan dalam Guzheng Ensemble lebih kompleks dari segi ton suara. Kebanyakan Guzheng Ensemble terdiri daripada empat ton (四重奏). Dari segi teknik pengajaran dan pembelajaran, pengajaran berkumpulan akan digunakan, manakala pengajaran individu dijadikan kelas tambahan bagi melatih teknik bermain tertentu.

Dalam proses perkembangan Guzheng Ensemble, pelbagai jenis pertandingan dan persembahan telah dijalankan untuk mempromosikan Guzheng Ensemble. Selain itu, kelab Guzheng Ensemble juga ditubuhkan di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, sumber manusia dan sumber kewangan merupakan masalah yang terbesar bagi ejen kebangkitan untuk mengembangkan sesebuah guzheng ensemble.

Rujukan

- Beng, T. S. (2000). The " Huayue Tuan"(Chinese Orchestra) in Malaysia: Adapting to Survive. *Asian music*, 31(2), 107-128.
- Bithell, C., & Hill, J. (Eds.). (2014). *The Oxford handbook of music revival*. Oxford University Press (UK).
- Chen, P. P. O. S., Ming, D. C., Zhaopeng, W., Hong, L., Hsiao-huei, P., Hui, S., ... & Chuan, S. Y. (2016). Journal of Chinese Literature and Culture. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 4(1).
- Chen, Y. L. (2011). Qianxi guzheng gebiejiaoxue he xiaozujiaoxue [Analisis pengajaran dan pengajaran individu Guzheng]. *Huanghe zhi sheng*, (5), 56-57.
- Fan, R. (2012). Qiantan dangdai guzheng gage [Pembaharuan Guzheng Kontemporari]. *Jisu tiandi-zhiqinzheshuo*, (08), 14-15.
- Gao, Y. (2017). Guzheng xiezouqu de yanzou ji qi jiaoxue shijian [Prestasi Guzheng Concerto dan Amalan Pengajarannya]. *Heihe xueyuan xuebao*, 8(1), 120-121.

- Han, X. (2015). Guzhengxiezouqu de yanzou ji jiaoxue sikao [Refleksi mengenai Prestasi dan Pengajaran Guzheng Concerto]. *Huanghe zhi sheng*, (5), 91-91.
- He, W. (2013). Tanxi guzheng yu xifangyueqi yanzou de ronghe [Meneroka Gabungan Muzik Guzheng dan Muzik Barat]. *Yinyue chuanguo*, (4), 128-129.
- Jiang, D. Y. (2013). *Guanyu guzhengzhuanye chongzou, hezoujiaoxue de jidian jianyi* [Cadangan Mengenai Ajaran Ensemble of Zither]. (Doctoral dissertation).
- Lee, H. Y. (2011). Lun wuxianpu zai guzhengjiaoxuezhong de liyubi [Kelebihan dan Kekurangan Staf dalam Pengajaran Guzheng]. *Jiamusi jiaoyu xueyuan xuebao*, (4), 60-60.
- Livingston, T. E. (1999). Music revivals: Towards a general theory. *Ethnomusicology*, 43(1), 66-85.
- Ning, X. J. (2004). Qiantan 20shiji zhongguo minzhu yueqi – guzheng de fazhan [Pembangunan Muzik Instrumental Kebangsaan Cina pada Abad ke-20]. *Xuexiao yishujiaoyu yu suzhijiaoyu luntan wenji*.
- Wang, X. Y. (2016). *Zhongguo chuantong zhengyue zai malaixiya de chuancheng yu fazhan* [Penyelidikan mengenai warisan muzik guzheng Cina di Malaysia]. (Master's thesis).
- Xia, J. O. (2018). Guzheng zhuanye jiaoxue zhonpushi yingyong de duoyuanhua tansuo [Kepelbagaian penerokaan penerapan spektrum dalam pengajaran Guzheng]. *Zhejiang yishu zhiye xueyuan xuebao*, 16(1), 101-108.
- Xu, Y. L. (2014). Guzhengre yu wenhua zijue [Kesedaran budaya Guzheng]. *Yinyue chuanguo*, (1), 184-185.
- Yang, H. L., & Saffle, M. (2010). The 12 girls band: Traditions, gender, globalization, and (inter) national identity. *Asian music*, 41(2), 88-112.
- Yuxing, Z., & Reily, S. A. (2018). The Hidden Musicians Of The Guqin Music World Of Lanzhou1. *The Routledge Companion to the Study of Local Musicking*.
- Zhang, Y. X. (2010). *Zhongguo guzheng yinyue zai malaixiya chuancheng de yanjiu* [Penyelidikan mengenai warisan muzik guzheng Cina di Malaysia] (Doctoral dissertation).
- Zhou, X. J. (2016). Xinshiqi guzheng biaoyan de chuancheng he chuangxin fazhan [Warisan dan Inovasi Prestasi Guzheng dalam Tempoh Baru]. *Gaokao*, (15), 179.